


<b>Publication</b>	warta.my	<b>Section /Page No.</b>	<b>Online</b>
<b>Date</b>	Wed, 6 <sup>th</sup> Dec 2017	<b>Lead Article</b>	-
<b>Headline</b>	<b>Dropee Menang Geran Rm500,000 Bawah Program Superb</b>		

## Dropee Menang Geran Rm500,000 Bawah Program Superb



KUALA LUMPUR – Dropee, pasaran B2B dalam talian mengumumkan bahawa berjaya memenangi geran bernilai RM500,000 di bawah program Skim Permulaan Usahawan Bumiputera (SUPERB) yang ditawarkan oleh **Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU)**, hari ini.

Geran yang diuruskan oleh Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) iaitu salah sebuah agensi yang bekerjasama dalam program SUPERB, diperlukan Dropee untuk menyokongnya bagi mengembangkan jumlah peruncit Perusahaan kecil dan sederhana (SME) di platformnya.

Ketua Pegawai Operasi, Aizat Rahim berkata geran SUPERB ini merupakan testimoni kepada usaha ke arah membawa kesan positif dalam sektor rantai bekalan serta memperkasakan peruncit SME tempatan.

“Setelah gagal mendapatkan geran yang sama tahun lepas, kami terus mencuba membuat beberapa pusingan ‘pitching’ bagi meyakinkan para pengadil.

“Kami gembira terpilih sebagai salah satu daripada 12 pemenang geran SUPERB yang lain,” katanya lagi.

Sementara itu, Pengarah Kanan Pembangunan Perniagaan dan Usahawan TERAJU, Megat Mohd Yatim Megat Hamid juga berkata SUPERB bertujuan membantu individu atau syarikat baru untuk memupuk dan mengembangkan penemuan, idea, atau ciptaan mereka agar menjadi model perniagaan yang berjaya.

“Geran yang antara terbesar ditawarkan itu, untuk mendorong bakat-bakat dari golongan Bumiputera menyertai perniagaan.

“Terdapat sebilangan golongan Muda memperoleh kejayaan besar dalam mengembangkan idea mereka dan berjaya memasuki pasaran eksport antarabangsa serta mengukir nama bagi jenama keluaran tempatan dari Malaysia,” tambahnya lagi.

Lebih 200 jenama telah menyertai platform Dropee selepas setahun ia beroperasi membuatkan pihak Dropee bekerja keras menambah baik sistem dalam talian untuk kesenangan peruncit dan pembekal menggunakannya.

Sejak mula beroperasi pada 2016, kini Dropee dalam fasa pengkomersialan sedang mencari bakat baru yang diutamakan diberi kepada pemasaran dan pembangunan teknologi, bagi membantu mereka membina ekosistem B2B dalam talian yang lebih baik untuk pembekal dan peruncit.

SUPERB diadakan oleh TERAJU yang menyediakan geran sehingga RM500,000 bagi menyokong idea perniagaan yang kreatif dan inovatif dibuka kepada golongan Bumiputera sama ada individu atau syarikat yang berhasrat untuk menjadi usahawan terkemuka.

Sejak diperkenalkan pada 2014, SUPERB telah berjaya mempersiapkan 152 orang usahawan muda yang menerima geran permulaan sehingga RM74 juta.